

# Tingkat kerjasama IPT, industri lahir bakat terbaik



Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum Dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed  
bhrencana@bh.com.my

**Memupuk** ilmu pengetahuan dan melahirkan bakat terbaik untuk negara dalam pelbagai bidang kepakaran adalah antara matlamat utama setiap institusi pengajian tinggi (IPT) dan perkara ini diangkat sebagai antara agenda serta fokus dizahirkan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dalam perutusan tahun baharu 2024, baru-baru ini.

Lima fokus utama dibentangkan Zambry ialah Penyediaan Bakat Terbaik Negara, Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi, Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu, Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi dan Pemantapan Ekosistem Pem-

boleh Daya.

Persoalan kritikal sering dilontarkan ialah melahirkan bakat yang bagaimana untuk memenuhi kriteria ditetapkan pasaran dan industri. Apakah cukup dengan sekeping ijazah dalam bidang tertentu untuk melayakkan diterima masuk dalam pasaran pekerjaan.

Apa pula ciri-ciri bakat terbaik diperlukan negara untuk terus memacu masa depan gemilang dan sejauh mana kerjasama antara IPT, industri dan komuniti dapat menyumbang kepada matlamat ini.

Hakikatnya, IPT tidak mampu melaksanakan harapan dan amanah besar negara ini tanpa kerjasama erat industri dan komuniti. Hal ini signifikan kerana memasuki era ledakan teknologi maklumat dan dunia pasca normal cukup kompleks dan mencahar, negara memerlukan generasi masa depan memiliki pakej bakat holistik dan kalis cabaran untuk berdikari dan berpijak di bumi nyata.

Justeru, setiap IPT perlu keluar daripada kelaziman dan memberi perhatian serius terhadap proses pembentukan serta kemenjadian mahasiswa, digilap menjadi bakat bernilai menerusi kerjasama industri dan komuniti.

Dalam konteks ini jalinan kerjasama erat antara IPT dengan industri adalah satu kemestian dan perlu lebih mendalam. Pihak industri perlu terus diberi peluang melalui platform formal dan tidak formal untuk bersama-sama membimbing, melatih dan membangunkan bakal graduan.

Di samping kepakaran dalam bidang pengajian masing-masing, IPT perlu melahirkan bakat memiliki pelbagai kemahiran insaniah seperti berkomunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan dan boleh menyelesaikan masalah secara kreatif.

Maka, program dan kursus dianjurkan perlu bersifat praktikal yang memberi pendedahan pengalaman dalam dunia sebenar seperti di industri dan komuniti.

IPT juga bertanggungjawab melahirkan bakat warganegara bertanggungjawab serta setia kepada

negara. Misalnya bakat terbaik dilahirkan perlu kekal berkhidmat dalam negara walaupun menerima pelbagai tawaran kerja menarik di luar negara.

Selain itu bakat masa depan juga perlu dididik supaya sentiasa menjunjung Rukun Negara dan Perlembagaan, sekali gus menghormati prinsip hidup masyarakat majmuk dengan terus memperkukuhkan perpaduan nasional.

IPT juga bertanggungjawab melahirkan bakat memiliki akhlak, jati diri dan nilai integriti tinggi. Negara memerlukan generasi beradab, amanah dan jujur bagi memperkasa dan mengamalkan tadbir urus serta tatakelola betul.

Bakat muda ini perlu dididik supaya berani menolak rasuah dan nilai bertentangan dengan norma hidup masyarakat negara ini. Bakat terbaik negara perlu ada semangat dan iltizam membangunkan negara madani mengutamakan prinsip kemanusiaan.

Sebagai persediaan menghadapi dan mengharungi pelbagai cabaran di alam pekerjaan, IPT boleh terus memperkasakan program pendedahan antarabangsa seperti mobiliti antarabangsa dan pertukaran pelajar.

Melangkah ke hadapan, negara memerlukan bakat terbaik memiliki watak dan karakter sebagai warganegara kental dan sanggup berkorban apa saja untuk ibu pertiwi. Semoga kerjasama IPT dengan industri dan komuniti dapat melahirkan bakat terbaik diperlukan negara.